

Carian



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

 Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2018](#) [Petikan Akhbar](#) [Berita Harian - Cadangan Pembaca BH, Harian Metro Untuk Bajet 2019](#)

Berita Harian - Cadangan Pembaca BH, Harian Metro Untuk Bajet 2019

 Isnin, Okt 22 2018



➔ Cadangan pembaca BH, Harian Metro untuk Bajet 2019

BH 22/10/18

Oleh Nabil Basaruddin
nabil.basaruddin@nstp.com.my

Harga rumah mampu milik yang lebih rendah, lanjutan Bantuan Sara Hidup (BSH), tiada cukai baharu serta lebih banyak peluang pekerjaan, adalah antara perkara yang diharapkan rakyat pada pembentangan Bajet 2019 di Parlimen pada 2 November ini.

Perkara itu dinyatakan dalam tinjauan melalui laman sosial Facebook oleh BH dan Harian Metro yang meminta pembaca mengemukakan lima harapan dan cadangan untuk Bajet 2019.

Tinjauan yang memfokuskan kepada harapan dan cadangan rakyat kepada kerajaan itu di-

MENJELANG BAJET 2019

mulakan pada Isnin lalu dan mendapat banyak maklum balas daripada pembaca.

Selain empat harapan itu, pembaca juga mahukan tumpuan secara khusus kepada golongan pekerja dari sektor swasta seperti peningkatan gaji asas supaya selari dengan kelangsungan hidup semasa di bandar mahupun luar bandar.

Saran turun harga bahan api

Tinjauan juga mendapati, pembaca berharap agar harga bahan api diturunkan selain mencairkan bayaran tol dikenakan pada harga 50 peratus lebih murah berbanding sedia ada.

Seorang pembaca yang dikenali sebagai Siti Suhana Ahmad mencadangkan, harga minyak RON95 perlu turun lagi dan harga

rumah mampu milik ditetapkan pada RM80,000 seunit.

"Sebagai rakyat, saya mencadangkan BSH diteruskan bukannya dimansuhkan sama sekali dan tiada keperluan untuk perkenal cukai baharu kerana ia hanya menyusahkan rakyat.

"Apa yang penting adalah untuk memperbanyakkan peluang pekerjaan," katanya.

Alif Jw pula berkata, kerajaan perlu mengutamakan rakyat luar bandar kerana masih ramai yang berada pada paras kemiskinan.

"Sebagai pentadbir yang prihatin, kerajaan juga seharusnya menitikberatkan juga perihal kebajikan pekerja sektor swasta," katanya.

Rozita Zainun turut berpendapat bahawa beliau berharap akan ada khabar berita baik untuk pekerja swasta.

"Tidak adil kerana sebelum ini pelbagai kemudahan dan manfaat diterima oleh penjawat awam sahaja dan Bajet 2019 kita harap ada sesuatu untuk kami dari sektor swasta," katanya.

Sementara itu, Azlinda Azman yang turut mengulas mengenai kos sara hidup berkata, sekiranya kerajaan tidak berniat un-

tuk menghapuskan tol, sebagai pilihan lain adalah untuk mengurangkannya.

"Jika ada mana-mana kontrak tol yang hampir tamat, usah teruskannya," katanya.

Kurangkan pekerja asing

Cadangan lain yang diketengahkan dalam tinjauan ini adalah untuk mengurangkan keberuntungan kepada pekerja asing dan beri peluang kepada rakyat tempatan.

Zayed Farhan berkata, tambahkan jawatan kosong untuk rakyat Malaysia bekerja dan menghantar pulang warga asing yang berada di negara ini.

Hakimi Zainol II pula berharap agar kerajaan membela nasib golongan orang kurang upaya (OKU) dan tidak mengabaikan mereka dari segi kebajikan, keperluan dan pekerjaan.

Anuar Ruzaini pula mempunyai harapan supaya kerajaan mempergiat usaha dalam menarik lebih banyak pelaburan bagi kemakmuran ekonomi Malaysia.

Tambahnya, usaha seperti bajet bagi ketenteraan, pendidikan dan taraf hidup rakyat dilihat mampu menjadi pemangkin kepada kegemilangan negara.

Pekeliling Perbendaharaan



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: 14 Januari 2020 | Jumlah Pelawat: 27637216